



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGELASAN PUSAT URUTAN KAKI (PUK)

1. DEFINISI PUK :

Premis yang menawarkan perkhidmatan urutan meliputi bahagian lutut ke bawah dengan menggunakan tangan sahaja serta tidak melibatkan diagnosis atau preskripsi perubatan. Ianya bertujuan untuk *wellness*, *pampering* dan *lifestyle* sahaja.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Pemohon mestilah mempunyai premis yang berstruktur kekal;
- b) Premis hendaklah mempunyai Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- c) Menjadi ahli mana-mana persatuan PUK yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) seperti di Lampiran A;
- d) Semua produk yang digunakan telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
- e) Mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) kerusiurut (*massage chair*). Sekiranya premis menyediakan katilurut (*massage bed*), nisbah bilangan kerusiurut (*massage chair*) hendaklah melebihi katilurut (*massage bed*) iaitu 4:1.

3. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a) Salinan Lesen Perniagaan daripada PBT;
- b) Salinan Sijil Persatuan PUK yang diiktiraf oleh MOTAC;
- c) Senarai produk yang digunakan berserta dengan kelulusan *Notification of Product* (NOT) daripada KKM;
- d) Salinan sijil-sijil kelayakan ahli terapi seperti berikut:

JURU TERAPI TEMPATAN	
KELAYAKAN	SUMBER PENGIKTIRAFAN
<p>Hendaklah dalam bidang urutan/ rawatan kecantikan dan setara dengannya;</p> <p style="text-align: center;"><u>atau</u></p> <p>Minimum satu (1) tahun ke atas dalam bidang urutan/ rawatan kecantikan dan setara dengannya.</p>	<p>Sijil kemahiran yang diiktiraf oleh mana-mana institusi kerajaan /swasta yang diperakui oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM);</p> <p style="text-align: center;"><u>atau</u></p> <p>Mendapat surat pengesahan daripada majikan sebelum ini.</p>

JURU TERAPI ASING	
BIDANG KELAYAKAN AKADEMIK	PENGIKTIRAFAN
<p>Hendaklah dalam bidang urutan/ rawatan kecantikan dan setara dengannya.</p>	<p>Sijil kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Negara asal dan pihak persatuan hendaklah mengesahkannya.</p>

- e) Salinan passport dan permit kerja yang sah bagi yang mempunyai pekerja asing;

Nota:

Hanya melibatkan premis yang menggunakan tenaga kerja asing.

- f) Salinan *Standard Operating Procedure* (SOP), *Training Manual*, PUK *Marketing Collateral*, Menu Rawatan dan *Business Card*; **dan**

- g) Salinan pemeriksaan kesihatan untuk terapi PUK :-

TERAPI TEMPATAN	TERAPI ASING
Salinan perakuan kesihatan daripada klinik kerajaan ataupun swasta.	Salinan perakuan kesihatan daripada <i>Foreign Workers Medical Examination Monitoring Agency</i> (FOMEMA)

4. TATACARA PERMOHONAN

- a) Melengkapkan maklumat Borang Permohonan Pengelasan PUK yang dimuat turun melalui laman sesawang www.motac.gov.my.
- b) Semua dokumen seperti yang dinyatakan di para 3 dan Borang Permohonan Pengelasan PUK hendaklah dikemukakan ke Pejabat MOTAC Negeri berkenaan.

5. FI YANG PERLU DIBAYAR

Tiada fi dikenakan bagi permohonan pengelasan buat masa ini.

6. MEKANISME PENGELASAN

- a) Pemeriksaan premis akan dilakukan dalam **tempoh 30 hari bekerja** selepas permohonan pengelasan yang lengkap diterima;
- b) Permohonan pengelasan semula hendaklah dikemukakan **tiga (3) bulan sebelum** tarikh sijil penggredan tamat tempoh;
- c) Permohonan pengelasan premis yang telah diperiksa dan lengkap akan dibawa ke **Mesyuarat Panel Pengelasan Premis PUK**;
- d) Surat keputusan permohonan pengelasan **atau / dan** Sijil Penggredan akan diterima dalam **tempoh tujuh (7) hari bekerja** selepas keputusan **Mesyuarat Panel Pengelasan Premis PUK** dikeluarkan; **dan**
- e) Pihak premis boleh mengemukakan **rayuan** dalam **tempoh 21 hari bekerja** daripada tarikh surat keputusan dikeluarkan.

7. SIJIL PENGGREDAN PUK

- a) Sijil Penggredan akan hanya dikeluarkan setelah permohonan pengelasan diluluskan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan.
- b) Sijil dicetak atas nama premis dan alamat sepertimana permohonan.
- c) Tempoh sah laku sijil pengelasan berkuat kuasa tidak melebihi tempoh tiga (3) tahun dan pemeriksaan semula hendaklah dilakukan bagi menentukan taraf berikutnya.

8. KEHILANGAN SIJIL PENGGREDAN

Pemohon perlu mengemukakan surat rasmi berserta dengan justifikasi bagi tujuan pengeluaran sijil gantian.

9. PERTUKARAN NAMA PREMIS

- a) Pemohon perlu mengemukakan surat rasmi sebagai makluman pertukaran nama premis; **dan**
- b) Sijil penggredan baharu akan dikeluarkan bagi tujuan pertukaran nama premis. Tiada fi penggantian penggredan dikenakan buat masa ini.

10. PERTUKARAN PEMILIK ATAU NAMA PREMIS

- a) Pemohon perlu mengemukakan permohonan pengelasan baharu kepada Pejabat MOTAC Negeri.
- b) Sijil Penggredan yang baharu akan dikeluarkan setelah permohonan pengelasan diluluskan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan

11. PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENGELASAN

- a) Di peringkat Pejabat MOTAC Negeri:
Laporan pemeriksaan pengelasan (baharu/semula/penilaian sendiri) yang telah lengkap, teratur dan sempurna hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat berdasarkan kepada piagam pelanggan daripada tarikh pemeriksaan dilaksanakan seperti di **Lampiran B.**

- b) Di peringkat Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya:
Sijil Penggredan dikeluarkan dalam **tempoh tujuh (7) hari bekerja** setelah Mesyuarat Panel Pengelasan Premis Penginapan Pelancong bersidang.

12. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **15 Januari 2021**

LAMPIRAN A

SENARAI PERSATUAN-PERSATUAN SPA DAN PUK YANG DIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

1. *Malaysian Association Of Wellness & Spa (MAWSPA).*
2. *Association of Malaysian Spas (AMSPA)*

PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENGELASAN PEJABAT MOTAC NEGERI MENGIKUT ZON

PERKARA	ZON A	ZON B	ZON C	CATATAN
NEGERI	Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya	Pulau Pinang, Melaka, Johor, dan Perak	Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Kedah, Perlis, Sabah, Sarawak, Labuan dan Kelantan.	-
PENGELASAN	21 Hari bekerja selepas pemeriksaan dilaksanakan	14 Hari bekerja selepas pemeriksaan dilaksanakan	10 Hari bekerja selepas pemeriksaan dilaksanakan	Permohonan mengambil beban tugas mengikut zon

Petunjuk:

Mengikut bilangan permohonan pengelasan.